



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	15/11/2018	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### Taiping

## Anak kuda belang pertama Zoo Taiping

Zoo Taiping dan Night Safari menyaksikan kelahiran pertama anak kuda belang dalam sejarah pembukaan zoo tertua negara sejak 1961 itu, Ahad lalu.

Kelahiran anak kuda belang betina dengan anggaran berat 30 kilogram (kg) itu menjadikan keseluruhan 12 anak beberapa spesies haiwan dilahirkan di zoo itu sepanjang tahun ini.

Haiwan lain adalah masing-masing anak ungka tangan putih, seladang, burung keria mahkota serta lapan anak burung botak upeh.

Yang Dipertua (YDP) Majlis Perbandaran Taiping (MPT) Datuk Abdul Rahim Md Ariff berkata, kelahiran baharu itu menambah lagi bilangan haiwan daripada 120 spesies termasuk mamalia, reptilia, ikan dan burung di zoo berkenaan.

Katanya, kelahiran baharu itu pencapaian berharga dalam memastikan program pembiakan dan konservasi dapat diteruskan bagi mengelak kepupusan spesies tertentu.